



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65

1hb Mac 2012

No. 5

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN
PERAK DARUL RIDZUAN

LAWS OF THE CONSTITUTION OF
PERAK DARUL RIDZUAN

No. 359.

(PERKARA XXXIX BAHAGIAN YANG KEDUA)

(ARTICLE XXXIX OF THE SECOND PART)

BETA MEMPERKENANKAN

SULTAN AZLAN SHAH
Sultan Perak

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara XXXIX Bahagian Yang Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, dengan nasihat Dewan Negara, telah berkenan melantik Tuan Dr. Muhammad Afifi Al-Akiti

sebagai Orang Besar Lapan Negeri Perak Darul Ridzuan dengan gelaran Yang Berbahagia Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan berkuat kuasa mulai 1 Disember 2011.

[PSUK.PK.(BKP)1A 355/951/2/5
Jld. 4 (80); PU.PK.79/84(PS)]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia,

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD. KADIR
Menteri Besar
Perak Darul Ridzuan

I ASSENT

SULTAN AZLAN SHAH
Sultan Perak

In exercise of powers conferred by Article XXXIX of the Second Part of the Laws of the Constitution of Perak Darul Ridzuan, the Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, on the advice of the Dewan Negara, has appointed Tuan Dr. Muhammad Afifi Al-Akiti Orang Besar Lapan Negeri Perak Darul Ridzuan to hold the title Yang Berbahagia Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan with effect from 1 December 2011.

[PSUK.PK.(BKP)1A 355/951/2/5
Jld. 4 (80); PU.PK.79/84(PS)]

By His Royal Highness's Command,

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD. KADIR
Menteri Besar
Perak Darul Ridzuan

No. 360.

(PERKARA XXXIX BAHAGIAN YANG KEDUA)

(ARTICLE XXXIX OF THE SECOND PART)

BETA MEMPERKENANKAN

SULTAN AZLAN SHAH
Sultan Perak

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara XXXIX Bahagian Yang Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, dengan nasihat Dewan Negara, telah berkenan melantik Encik Meor Roslan bin Dato' Seri Haji Meor Ahmad Rashidi sebagai Toh Muda Orang Besar Lapan Negeri Perak Darul Ridzuan dengan gelaran Yang Di Hormati Toh Muda Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda berkuat kuasa mulai 1 Disember 2011.

[PSUK.PK.(BKP)1A 355/951/2/5
Jld. 4 (81); PU.PK.79/84(PS)]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia,

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD. KADIR
Menteri Besar
Perak Darul Ridzuan

I ASSENT

SULTAN AZLAN SHAH
Sultan Perak

In exercise of powers conferred by Article XXXIX of the Second Part of the Laws of the Constitution of Perak Darul Ridzuan, the Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, on the advice of the Dewan Negara,

has appointed Encik Meor Roslan bin Dato' Seri Haji Meor Ahmad Rashidi Toh Muda Orang Besar Lapan Negeri Perak Darul Ridzuan to hold the title Y.D.H. Toh Muda Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda with effect from 1 December 2011.

[PSUK.PK.(BKP)1A 355/951/2/5
Jld. 4 (81); PU.PK.79/84(PS)]

By His Royal Highness's Command,

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD. KADIR
Menteri Besar
Perak Darul Ridzuan

No. 361.

(PERKARA XLIX BAHAGIAN YANG KEDUA)
(ARTICLE XLIX OF THE SECOND PART)

BETA MEMPERKENANKAN

SULTAN AZLAN SHAH
Sultan Perak

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara XLIX Bahagian Yang Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, dengan nasihat Dewan Negara, telah berkenan melantik Puan Putri Rafidah binti Megat Noh sebagai Orang Besar Tiga Puluh Dua Negeri Perak Darul Ridzuan dengan gelaran Yang Di Hormati Toh Bijaya Wati berkuat kuasa 1 Disember 2011.

[PSUK.PK.(BKP)1A 355/951/2/5
Jld. 4 (82); PU.PK.79/84(PS)]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia,

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD. KADIR
Menteri Besar
Perak Darul Ridzuan

I ASSENT

SULTAN AZLAN SHAH
Sultan Perak

In exercise of powers conferred by Article XLIX of the Second Part of the Laws of the Constitution of Perak Darul Ridzuan, the Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, on the advice of the Dewan Negara, has appointed Puan Putri Rafidah binti Megat Noh Orang Besar Tiga Puluh Dua Negeri Perak Darul Ridzuan to hold the title Yang Di Hormati Toh Bijaya Wati with effect from 1 December 2011.

[PSUK.PK.(BKP)1A 355/951/2/5
Jld. 4 (82); PU.PK.79/84(PS)]

By His Royal Highness's Command,

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD. KADIR
Menteri Besar
Perak Darul Ridzuan

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)

No. 362.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 55(6)
ANGGARAN BELANJAWAN 2012

Menurut kehendak seksyen 55(6) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) Anggaran Belanjawan Tahun 2012 bagi Majlis Daerah Perak Tengah, Perak seperti mana diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, mengikut Majlis Mesyuarat Kerajaan bil. 1681 dalam perjumpaan pada 14 Disember 2011 dan telah disahkan pada 21 Disember 2011 meluluskan belanjawan seperti berikut:

ANGGARAN BELANJAWAN 2012
MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

| | | | | | RM |
|----------------------------------|-----|-----|-----|-----|----------------|
| Jumlah Besar Pendapatan | ... | ... | ... | ... | 8,802,673.37 |
| Jumlah Besar Belanja Mengurus... | ... | ... | ... | ... | 8,802,068.59 |
| Jumlah Besar Pembangunan | ... | ... | ... | ... | 7,000,000.00 |
| Lebihan/(Kurangan Pendapatan) | ... | ... | ... | ... | (6,999,395.22) |

Bertarikh 17 Januari 2012
[MDPT. C5/108 Jld. 1]

HAJI MOHD. ROSLAN BIN MAT LODIN
Yang Dipertua
Majlis Daerah Perak Tengah

ANGGARAN BELANJAWAN

| | TAHUN 2012 RM | |
|------------------------------------|---|--|
| RINGKASAN ANGGARAN BELANJAWAN 2012 | | |
| JUMLAH BESAR PENDAPATAN: | 8,802,673.37 | |
| JUMLAH BESAR BELANJA MENGURUS: | 8,802,068.59 | |
| JUMLAH BESAR PEMBANGUNAN: | 7,000,000.00 | |
| LEBIHAN/<KURANGAN>PENDAPATAN: | (6,999,395.22) | |
| RINGKASAN ANGGARAN BELANJAWAN 2012 | | |
| | Pendapatan/ Perbelanjaan Sebenar 2011 (RM) | Anggaran Belanjawan 2012 (RM) |
| Objek Am dan Keterangan | | |
| JUMLAH BESAR PENDAPATAN: | 4,349,518.48 | 8,802,673.37 |
| JUMLAH BESAR BELANJA MENGURUS: | 2,603,081.33 | 8,802,068.59 |
| JUMLAH BESAR BELANJA PEMBANGUNAN: | 1,555,800.00 | 7,000,000.00 |
| LEBIHAN/<KURANGAN>PENDAPATAN: | 190,637.15 | (6,999,395.22) |

ANGGARAN BELANJAWAN 2012
RINGKASAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

| Objek Am dan Keterangan | Pendapatan/ Perbelanjaan Sebenar 2011 (RM) | Anggaran Belanjaan 2012 (RM) |
|--|---|---------------------------------------|
| RINGKASAN PENDAPATAN | | |
| 600000 Hasil Cukai | 1,136,659.86 | 3,728,040.37 |
| 700000 Hasil Bukan Cukai | 970,094.80 | 3,533,098.00 |
| 800000 Terimaan Bukan Hasil | 2,242,763.82 | 1,541,535.00 |
| JUMLAH BESAR PENDAPATAN: | 4,349,518.48 | 8,802,673.37 |
| RINGKASAN PERBELANJAAN | | |
| 100000 Emolumen | 116,404.16 | 3,754,022.38 |
| 200000 Perkhidmatan dan Bekalan | 1,965,863.48 | 3,997,753.00 |
| 300000 Aset | 221,918.10 | 635,240.00 |
| 400000 Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 221,563.21 | 221,953.21 |
| 500000 Perbelanjaan-perbelanjaan Lain | 77,332.38 | 193,100.00 |
| JUMLAH BELANJA MENGURUS: | 2,603,081.33 | 8,802,068.59 |
| JUMLAH BELANJA PEMBANGUNAN: | 1,555,800.00 | 7,000,000.00 |
| JUMLAH BESAR PERBELANJAAN: | 4,158,881.33 | 15,802,068.59 |
| LEBIHAN/<KURANGAN>PENDAPATAN: | 190,637.15 | (6,999,395.22) |

| | | | |
|----------------------|---------------------------------------|--------------|--------------|
| RINGKASAN PENDAPATAN | | | |
| 600000 | Hasil Cukai | 1,136,659.86 | 3,728,040.37 |
| 700000 | Hasil Bukan Cukai | 970,094.80 | 3,533,098.00 |
| 800000 | Terimaan Bukan Hasil | 2,242,763.82 | 1,541,535.00 |
| | JUMLAH BESAR PENDAPATAN: | 4,349,518.48 | 8,802,673.37 |
| | | | |
| 600000 | HASIL CUKAI | | |
| 610000 | Cukai Langsung | 1,136,659.86 | 3,728,040.37 |
| | JUMLAH HASIL CUKAI | 1,059,438.40 | 4,187,534.55 |
| | | | |
| 700000 | HASIL BUKAN CUKAI | | |
| 710000 | Lesen Terimaan Pendaftaran dan Permit | 146,661.25 | 615,610.00 |
| 720000 | Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan | 223,811.57 | 220,495.00 |
| 730000 | Perolehan dari Jualan Barang-barang | 500,865.00 | 1,743,600.00 |
| 740000 | Sewaan | 73,748.00 | 766,983.00 |
| 750000 | Facedah dan Perolehan dari Pelaburan | 5,008.98 | 86,400.00 |
| 760000 | Denda dan Hukuman | 20,000.00 | 100,010.00 |
| | JUMLAH HASIL BUKAN CUKAI | 970,094.80 | 3,533,098.00 |

BELANJAWAN MENGRUS MENGIKUT OBJEK SEBAGAI

| Kod | Objek Sebagai dan Keterangan | Pendapatan/ Perbelanjaan Sebenar 2011 (RM) | Anggaran Belanjaan 2012 (RM) |
|-------------------------------|--|---|---------------------------------------|
| RINGKASAN PENDAPATAN | | | |
| 800000 | Terimaan Bukan Hasil | | |
| 810000 | Pulang Balik Perbelanjaan | 581.70 | 0.00 |
| 820000 | Terimaan Daripada Agensi-agensi Kerajaan | 2,242,182.12 | 1,541,535.00 |
| | JUMLAH TERIMAAN BUKAN HASIL | 2,242,763.82 | 1,541,535.00 |
| | JUMLAH BESAR PENDAPATAN: | 4,349,518.48 | 8,802,673.37 |
| RINGKASAN PERBELANJAAN | | | |
| 100000 | Emolumen | 116,404.16 | 3,754,022.38 |
| 200000 | Perkhidmatan dan Bekalan | 1,965,863.48 | 3,997,753.00 |
| 300000 | Aset | 221,918.10 | 635,240.00 |
| 400000 | Pembelian dan Kenaan Bayaran Tetap | 221,563.21 | 221,953.21 |
| 500000 | Perbelanjaan-perbelanjaan Lain | 77,332.38 | 193,100.00 |
| | JUMLAH BESAR PERBELANJAAN: | 2,603,081.33 | 8,802,068.59 |
| EMOLUMEN | | | |
| 110000 | Gaji dan Upahan | 5,510.78 | 2,062,345.85 |
| 120000 | Elaun Tetap | 91,570.00 | 785,210.00 |
| 130000 | Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan Awam | 750.00 | 327,474.07 |
| 140000 | Elaun Lebih Masa | 3,450.38 | 296,500.00 |
| 150000 | Faedah-Faedah Kewangan yang Lain | 15,123.00 | 282,492.46 |
| | JUMLAH EMOLUMEN: | 116,404.16 | 3,754,022.38 |

| | | | | |
|--------|--|--------------|--------------|--|
| 200000 | PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | | | |
| 210000 | Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup | 163,948.47 | 248,880.00 | |
| 220000 | Pengangkutan Barang-Barang | 2,647.00 | 5,840.00 | |
| 230000 | Perhubungan dan Utiliti | 151,202.67 | 317,920.00 | |
| 240000 | Sewaan | 78,840.74 | 96,450.00 | |
| 250000 | Bahan-Bahan Makanan dan Minuman | 0.00 | 30.00 | |
| 260000 | Bekalan Bahan Mentah/Bahan-Bahan | 141,003.87 | 488,790.00 | |
| 270000 | Bekalan dan Bahan-Bahan Lain | 107,662.60 | 228,095.00 | |
| 280000 | Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil | 275,498.90 | 983,130.00 | |
| 290000 | Perkhidmatan Iktisas dan Lain | 1,045,059.23 | 1,628,618.00 | |
| | JUMLAH PERKHIDMATAN DAN BEKALAN: | 1,965,863.48 | 3,997,753.00 | |
| 300000 | ASET | | | |
| 310000 | Tanah dan Pembaikan Tanah | 6,657.10 | 100,000.00 | |
| 320000 | Bangunan dan Pembaikan Bangunan | 0.00 | 85,050.00 | |
| 330000 | Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan | 95,605.00 | 110,000.00 | |
| 340000 | Kenderaan dan Jentera | 27,260.00 | 90.00 | |
| 350000 | Harta Modal Yang Lain | 61,831.00 | 260,070.00 | |
| 360000 | Binatang Pokok dan Benih | 30,565.00 | 80,020.00 | |
| 370000 | Pinjaman | 0.00 | 10.00 | |
| | JUMLAH ASET | 221,918.10 | 635,240.00 | |

BELANJAWAN MENGIKUT OBJEK SEBAGAI—(Samb.)

| Kod | Objek Sebagai dan Keterangan | Pendapatan/ Perbelanjaan Sebenar 2011 (RM) | Anggaran Belanjaan 2012 (RM) |
|--------------------------------|--|---|---------------------------------------|
| RINGKASAN PERBELANJAAN—(Samb.) | | | |
| 400000 | PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP | | |
| 410000 | Biasiswa/Dermawan/Bantu Pelajaran | 0.00 | 10.00 |
| 420000 | Pemberian Dalam Negeri | 10,000.00 | 10,010.00 |
| 440000 | Tuntutan Insuran dan Pampasan | 0.00 | 10.00 |
| 450000 | Faedah/Dividen/Kenaan Bayaran Hutang | 211,563.21 | 211,913.21 |
| 480000 | Gantian Cuti Rehat | 0.00 | 10.00 |
| | JUMLAH PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP: | 221,563.21 | 221,953.21 |
| PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN | | | |
| 500000 | | | |
| 510000 | Pulangan dan Hapuskira | 1,243.50 | 43,080.00 |
| 520000 | Bayaran-Bayaran Lain | 76,088.88 | 150,020.00 |
| | JUMLAH PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN | 77,332.38 | 193,100.00 |
| | JUMLAH BESAR PERBELANJAAN: | 2,603,081.33 | 8,802,068.59 |

No. 363.

[ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004]

FATWA MENGENAI PENGHARAMAN AJARAN DAN FAHAMAN SYIAH
DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini:

DAN BAHAWASANYA menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut:

"Ajaran dan Fahaman Syiah didapati bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jammaah yang menjadi teras pegangan masyarakat Islam di Perak berdasarkan kepercayaan dan perbuatan seperti berikut:

- (i) menambah atau mengurangi lafaz dan kandungan syahadah yang berlainan daripada lafaz dan syahadah yang menjadi pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (ii) Mentaati Imam-Imam dan mempercayai mereka sebagai maksum serta mempunyai sifat-sifat dan kelebihan yang luar biasa;
- (iii) Mempercayai bahawa berlakunya penyelewengan (tahrif) sama ada pengurangan atau penambahan di dalam Al-Quran serta mempercayai bahawa Al-Quran mengandungi tujuh belas ribu ayat;
- (iv) Menolak hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat Rasulullah S.A.W. dan hanya menerima hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para Imam 12.
- (v) Mencerca dan menghina para sahabat yang diredai oleh Allah S.W.T. dan para isteri Rasulullah SAW dengan menuduh mereka sebagai pembohong, pengkhianat dan murtad.
- (vi) Mempercayai Al Raja'ah iaitu Allah S.W.T. akan menghidupkan semula orang yang telah mati ke dunia sebelum berlakunya Qiamat bersama-sama Imam Mahadi;

- (vii) Mengamalkan Al-Taqiah iaitu menyembunyikan hakikat aqidah, pendapat yang menjadi pegangan dan amal perbuatan yang ingin dilakukan;
- (viii) Mengamalkan nikah Mut'ah;
- (ix) Mempercayai amalan menziarahi makam Saidina Ali K.W. akan memperolehi ganjaran Syurga; dan
- (x) Melakukan upacara memukul dan menyeksa tubuh sempena 10 Muharam.

Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak mengambil keputusan bahawa;

- (i) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang menjadi pengikut ajaran dan fahaman ini adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (ii) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut Syiah dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman Syiah, adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jammah;
- (iii) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali ajaran dan fahaman Syiah sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman Syiah adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (iv) apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran, pegangan atau fahaman Syiah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Syiah adalah bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah; atau
- (v) apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan ajaran, pegangan atau fahaman Syiah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Syiah dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah diharamkan;

- (vi) Orang-orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen; menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran dan fahaman Syiah kepada mana-mana harta alih atau tak alih, dan semua pihak dilarang daripada memberi apa jua kemudahan dan bantuan;
- (vii) Apa jua bentuk tindakan seperti yang dinyatakan di atas perlu dihalang dan diambil tindakan menurut undang-undang.

Bertarikh 4 Januari 2012
[MNPk.A351.IST/01/7 JLD2;
PU.Pk. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Perak Darul Ridzuan*

No. 364.

FATWA MENGENAI PENCEGAHAN MENYEBARKAN ALIRAN DAN
DAKYAH WAHABIAH DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini:

DAN BAHAWASANYA menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut:

"Aliran dan Dakyah Wahabiah didapati bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi teras pegangan masyarakat Islam di Perak berdasarkan kepercayaan, perbuatan dan pengamalan seperti berikut:

-
- (i) Menolak dan menyesatkan Pengamal pendekatan Tauhid sifat 20;
 - (ii) Menganggap syirik berbagai amalan ahli sunnah seperti Selawat Syifa' dan Selawat Tafrijiyyah;
 - (iii) Mendakwa bahawa pengikut Aliran Asya'irah dan Maturidiyah tidak layak digelar sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah; dan
 - (iv) Menganggap pelaku berbagai amalan ahli sunnah sebagai melakukan bida'ah dhalalah dan akan menjadi penghuni neraka.

Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak mengambil keputusan bahawa;

- (i) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang menjadi penyebar Aliran dan Dakyah Wahabiah adalah disifatkan mengamalkan Aliran dan Dakyah Wahabiah yang berlawanan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Aliran Asya'irah dan Maturidiyah;
- (ii) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang menjadi Ahli Jamaah atau pengikut Aliran dan Dakyah Wahabiah dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian, dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan Aliran dan Dakyah Wahabiah, adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang berlawanan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Aliran Asya'irah dan Maturidiyah;
- (iii) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang cuba menyebarkan Aliran dan Dakyah Wahabiah sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan Aliran dan Dakyah Wahabiah adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Aliran Asya'irah dan Maturidiyah;
- (iv) apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana Aliran dan Dakyah Wahabiah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur Aliran dan Dakyah Wahabiah adalah berlawanan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Aliran Asya'irah dan Maturidiyah; atau

- (v) apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan aliran dan dakyah Wahabiah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur Aliran dan Dakyah Wahabiah dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah dilarang.
- (vi) Apa jua bentuk tindakan seperti yang dinyatakan di atas perlu dihalang dan diambil tindakan menurut undang-undang.

Bertarikh 4 Januari 2012
[MNP.K.A351.IST/01/7 JLD2;
PU.Pk. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Perak Darul Ridzuan*

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 365.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah RKT Aulong Lama, Mukim Asam Kumbang, Daerah Larut, Matang dan Selama yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Tapak Perkuburan Islam dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

JADUAL

Daerah—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Asam Kumbang. No. Pelan—P.A. 113605. No. Lot—312249. Luas—20,887 meter persegi.

Bertarikh 5 Januari 2012

[PTG.Pk. 242/1-89 (C); PTLM. 370/12/2006/01;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 42]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah RKT Aulong Lama, Mukim of Asam Kumbang, District of Larut, Matang dan Selama described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Muslim Cemetery and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

SCHEDULE

District—Larut, Matang and Selama. Mukim—Asam Kumbang. Plan No.—P.A. 113605. Lot No.—312249. Area—20,887 square metres.

Dated 5 January 2012

[PTG.PK.402/2-1499 (B); PTG.Pk. 242/1-89 (C);

PTLM. 370/12/2006/01; PU.PK. 67/71-54 Jld. 42]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 366.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Lumut, Daerah Manjung yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Kawasan Lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Manjung.

JADUAL

Daerah—Manjung. Mukim—Lumut. No. Pelan—P.A.104734. No. Lot—17412.
Luas—3513 meter persegi.

Bertarikh 30 Disember 2011
[PTG.PK.402/2-1499 (B); PT.MJG. A2/6/10-1;
PU.PK. 67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Lumut, District of Manjung described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for an Open Space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Manjung Municipal Council.

SCHEDULE

District—Manjung. Mukim—Lumut. Plan No.—P.A. 104734. Lot No.—17412.
Area—3513 square metres.

Dated 30 December 2011
[PTG.PK.402/2-1499 (B); PT.MJG. A2/6/10-1;
PU.PK. 67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 367.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Lumut, Daerah Manjung yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Zon Penampunan dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Manjung.

JADUAL

Daerah—Manjung. Mukim—Lumut. No. Pelan—P.A.104734. No. Lot—17414.
Luas—568 meter persegi.

Bertarikh 30 Disember 2011

[PTG.PK.402/2-1499 (B); PT.MJG. A2/7/10-1;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Lumut, District of Manjung described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Buffer Zone and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Manjung Municipal Council.

SCHEDULE

District—Manjung. Mukim—Lumut. Plan No.—P.A. 104734. Lot No.—17414.
Area—568 square metres.

Dated 30 December 2011

[PTG.PK.402/2-1499 (B); PT.MJG. A2/7/10-1;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

No. 368.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Lumut, Daerah Manjung yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Zon Penampungan dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Manjung.

JADUAL

Daerah—Manjung. Mukim—Lumut. No. Pelan—P.A.104736. No. Lot—17415.
Luas—600 meter persegi.

Bertarikh 30 Disember 2011

[PTG.PK.402/2-1499 (B); PT.MJG. A2/8/10-1;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Lumut, District of Manjung described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Buffer Zone and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Manjung Municipal Council.

SCHEDULE

District—Manjung. Mukim—Lumut. Plan No.—P.A. 104736. Lot No.—17415.
Area—600 square metres.

Dated 30 December 2011

[PTG.PK.402/2-1499 (B); PT.MJG. A2/8/10-1;

PU.PK. 67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 369.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Sungai Raia, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Kawasan Lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Batu Gajah.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Raia. No. Pelan—P.W. 1979. Luas—3885 meter persegi.

Bertarikh 30 Disember 2011

[PTG.PK. 402/5-988 Bhg. 8 (B);

KT. 43-347 SJ.093 Jld.3; PU.PK.67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Sungai Raia, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for an Open Space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Batu Gajah District Council.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Sungai Raia. Plan No.—P.W. 1979. Area—3885 square metres.

Dated 30 December 2011

[PTG.PK. 402/5-998 Bhg. 8 (B);

KT. 43-347 SJ.093 Jld.3; PU.PK.67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 370.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Pengkalan Aor, Daerah Larut dan Matang yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Kawasan Lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Taiping.

JADUAL

Daerah—Larut dan Matang. Mukim—Pengkalan Aor. No. Pelan—P.A. 107142.
No. Lot—11102. Luas—886 meter persegi.

Bertarikh 30 Disember 2011
[PTG.PK. 402/8-505 (B); PTLM. 370/39/2011/06;
PU.PK.67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Pengkalan Aor, District of Larut dan Matang described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for an Open Space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Taiping Municipal Council.

SCHEDULE

District—Larut and Matang. Mukim—Pengkalan Aor. Plan No.—P.A. 107142
Lot No.—11102. Area—886 square metres.

Dated 30 December 2011
[PTG.PK. 402/8-05 (B); PTLM. 370/39/2011/06;
PU.PK.67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 371.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Trong, Daerah Larut dan Matang yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Sistem dan Perkhidmatan pembentongan dan menetapkan bahawa Persuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembentongan.

JADUAL

Daerah—Larut dan Matang. Mukim—Trong. No. Pelan—P.A. 08-067458.
No. Lot—1661. Luas—646 meter persegi.

Bertarikh 30 Disember 2011
[PTG.Pk. 513/8-39(C); PTLM. 370/15/2000/01;
PU.PK.67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Trong, District of Larut dan Matang described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Sewerage System and Services and has designated that the Federal Lands Commissioner shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Sewerage Services Department.

SCHEDULE

District—Larut dan Matang. Mukim—Trong. Plan No.—P.A. 08-067458.
Lot No.—1661. Area—646 square metres.

Dated 30 December 2011
[PTG.Pk. 513/8-39(C); PTLM. 370/15/2000/01;
PU.PK.67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 372.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Jalan Bruas, Mukim Sitiawan, Daerah Manjung yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Pejabat Jabatan Kerja Raya dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Perak.

JADUAL

Daerah—Manjung. Mukim—Sitiawan. No. Pelan—P.A. 86704. No. Lot—42219.
Luas—6,677 meter persegi.

Bertarikh 30 Disember 2011
[PTG.Pk. 236/5-37(C); PT.MJG A2/38/95-5;
PU.PK.67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Wilayah Jalan Bruas, Mukim of Sitiawan, District of Manjung described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Public Work Department Office and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Public Work Department of Perak.

SCHEDULE

District—Manjung. Mukim—Sitiawan. Plan No.—P.A. 86704. Lot No.—42219.
Area—6,677 square metres.

Dated 30 December 2011
[PTG.Pk. 236/5-37(C); PT.MJG. A2/38/95-5;
PU.PK.67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 373.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Permatang, Mukim Sitiawan, Daerah Manjung yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Surau dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan.

JADUAL

Daerah—Manjung. Mukim—Sitiawan. No. Pelan—P.A. 90771. No. Lot—43111.
Luas—2397 meter persegi.

Bertarikh 30 Disember 2011
[PTG.Pk. 236/5-44(C); PT.MJG A2/49/99-5;
PU.PK.67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Permatang, Mukim of Sitiawan, District of Manjung described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for 'Surau' and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan.

SCHEDULE

District—Manjung. Mukim—Sitiawan. Plan No.—P.A. 90771. Lot No.—43111.
Area—2397 square metres.

Dated 30 December 2011
[PTG.Pk. 236/5-44(C); PT.MJG A2/49/99-5;
PU.PK.67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 374.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Batu Karang, Mukim Kampar, Daerah Kampar yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Tapak Bangunan dan Tangki Takungan Air dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Lembaga Air Perak.

JADUAL

Daerah—Kampar. Mukim—Kampar. No. Pelan—P.A. 83159. No. Lot—96766.
Luas—202900 meter persegi.

Bertarikh 30 Disember 2011
[PTG.Pk. 239/2-34(C); PTG. & K (B) 06-99/88;
PU.PK.67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Batu Karang, Mukim of Kampar, District of Kampar described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Building and Water Reservoir Tank and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Perak Water Board.

SCHEDULE

District—Kampar. Mukim—Kampar. Plan No.—P.A. 83159. Lot No.—96766.
Area—202900 square metres.

Dated 30 December 2011
[PTG.Pk. 239/2-34(C); PTG. & K (B) 06-99/88;
PU.PK.67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 375.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Taman Serai Jaya, Mukim Bagan Serai, Daerah Kerian yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Surau dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan.

JADUAL

Daerah—Kerian. Mukim—Bagan Serai. No. Pelan—P.A. 96608. No. Lot—19918.
Luas—764 meter persegi.

Bertarikh 30 Disember 2011
[PTG.Pk. 240/1-13(C); PTK (D). 02;15/92;
PU.PK.67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Taman Serai Jaya, Mukim of Bagan Serai, District of Kerian described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for 'Surau' and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan.

SCHEDULE

District—Kerian. Mukim—Bagan Serai. Plan No.—P.A. 96608. Lot No.—19918.
Area—764 square metres.

Dated 30 December 2011
[PTG.Pk. 240/1-13(C); PTK (D). 02;15/92;
PU.PK.67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 376.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Jenalik Hilir, Mukim Chegar Galah, Daerah Kuala Kangsar yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Tanah Wakaf Perkuburan dan Wakaf Am dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

JADUAL

Daerah—Kuala Kangsar. Mukim—Chegar Galah. No. Pelan—P.A. 108971. No. Lot—7146. Luas—1.559 hektar.

Bertarikh 30 Disember 2011

[PTG.Pk. 241/3-7 SJ1 (C); PTKK (PT). 100/89;

PU.PK.67/71-54 Jld. 42]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Jenalik Hilir, Mukim of Chegar Galah, District of Kuala Kangsar described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for "Wakaf Perkuburan" and "Wakaf Am" and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

SCHEDULE

District—Kuala Kangsar. Mukim—Chegar Galah. Plan No.—P.A. 108971. Lot No.—7146. Area—1.559 hectares.

Dated 30 December 2011

[PTG.Pk. 241/3-7 SJ1 (C); PTKK (PT). 100/89;

PU.PK.67/71-54 Jld. 42]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 377.

[Subseksyen 64(1)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(1)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya melalui Pemberitahuan No. 2086 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 10 November 2011, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk mambatalkan perizaban tanah yang dinyatakan dalam Jadual sebagai tapak untuk Surau, yang diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak;

Dan bahawasanya tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut;

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, [*Akta 56 tahun 1965*] Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual.

JADUAL

Daerah—Manjung. Mukim—Sitiawan. No. Pelan—P.A. 84821. No. Lot—1631. Luas—327 meter persegi.

Bertarikh 30 Disember 2011
[PTG.Pk. 236/5-41(C) PT.MJG.A2/37/95-5;
PU.PK. 67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Whereas by Notification No. 2086 published in the Perak Government *Gazette* on 10 November 2011, notice was given of the intention to revoke the reservation of the land described in the Schedule as a site for the Surau, to be maintained by Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak;

And Whereas, no objection to the proposal to revoke the said reservation had been received;

Now, therefore, in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code 1965 [Act 56 of 1965], the State Authority hereby revokes the reservation of the land described in the Schedule.

SCHEDULE

District—Manjung. Mukim—Sitiawan. Plan No.—P.A. 84821. Lot No.—1631. Area—327 square metres.

Dated 30 December 2011
[PTG.Pk. 236/5-41(C) PT.MJG.A2/37/95-5;
PU.PK. 67/71-54 Jld. 41]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 378.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Liew Khoo, yang beralamat di—, tuan punya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah Daerah ini/ di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh, segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

| Jenis dan No. Hakmilik | No. Lot | Hasil tahun ini | Hutang dari tahun-tahun yang lepas | Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil | Bayaran-bayaran terhutang | Jumlah kena dibayar |
|------------------------|---------|-----------------|------------------------------------|---|---------------------------|---------------------|
| Ulu Kinta | | 2011 | 1984 - 2010 | Denda Lewat 1984 - 2011 | Notis 6A | |
| Geran | | | | | | |
| 00052206 | 013284 | RM11.00 | RM6,747.00 | RM5,361.00 | RM20.00 | RM12,139.00 |

Bertarikh 5 Julai 2011

[PTK (1) No. 16/8/02/11-968 (1)]

DATO' RAZALI BIN OTHMAN
*Pentadbir Tanah Daerah
 Kinta Ipoh*

No. 379.

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK
MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN
YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan dokumen hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik diakui hilang oleh pemilik

JADUAL

